

**PERADUAN  
PENULISAN ESEI KRITIKAN DAN  
KARYA KREATIF  
HARI GURU KE - XXVIII  
2014/2015**

Anjuran  
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK

**Genre**

Cerpen, Kritikan Sastera dan Sajak

**Hadiah**

Hadiah RM200.00 hingga RM1000.00

**Tarikh Tutup**

31 Januari 2015

**1. PENGENALAN**

Peraduan ini dinamai Peraduan Penulisan Esei dan Karya Kreatif Hari Guru anjuran Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak sempena Perayaan Hari Guru Peringkat Negeri.

**2. OBJEKTIF**

Peraduan tahunan ini telah diadakan sejak 1988 sebagai satu usaha untuk :

- 2.1 Memperbanyak karya tentang persoalan di sekitar dunia pendidikan di Malaysia, khususnya di Sarawak;
- 2.2 Merangsangkan dan mengembangkan kemahiran menulis serta melahirkan gagasan dan pemikiran yang analitis serta kritis dalam bahasa Melayu;
- 2.3 Mencungkil dan mengembangkan bakat penulisan kreatif dan imaginatif di kalangan pegawai perkhidmatan pendidikan dan guru pelatih di institut-institut perguruan di Sarawak;
- 2.4 Memperbanyak bahan bacaan bagi pelajar-pelajar sekolah;
- 2.5 Memperkaya khazanah sastera kebangsaan di Sarawak khasnya dan Malaysia amnya.

**3. HADIAH**

**3.1 CERPEN (BAHASA MALAYSIA)**

1 Hadiah Pertama	-	RM 1000.00
1 Hadiah Kedua	-	RM 800.00
1 Hadiah Ketiga	-	RM 600.00
3 Hadiah Sagu Hati	-	RM 300.00

**3.2 CERPEN (BAHASA INGGERIS)**

1 Hadiah Pertama	-	RM 1000.00
1 Hadiah Kedua	-	RM 800.00
1 Hadiah Ketiga	-	RM 600.00
3 Hadiah Sagu Hati	-	RM 300.00

**3.3 CERPEN (BAHASA IBAN)**

1 Hadiah Pertama	-	RM 1000.00
1 Hadiah Kedua	-	RM 800.00
1 Hadiah Ketiga	-	RM 600.00
3 Hadiah Sagu Hati	-	RM 300.00

**3.4 KRITIKAN SASTERA**

1 Hadiah Pertama	-	RM 1000.00
1 Hadiah Kedua	-	RM 800.00
1 Hadiah Ketiga	-	RM 600.00
3 Hadiah Sagu Hati	-	RM 300.00

**3.5 SAJAK**

1 Hadiah Pertama	-	RM 500.00
1 Hadiah Kedua	-	RM 400.00
1 Hadiah Ketiga	-	RM 300.00
3 Hadiah Sagu Hati	-	RM 200.00

**4. SYARAT PENYERTAAN**

- 4.1 Terbuka kepada semua pegawai perkhidmatan pendidikan, sama ada yang masih berkhidmat atau yang sudah bersara dan guru pelatih di institut-institut perguruan di Sarawak **KECUALI** Jawatankuasa Peraduan Penulisan Esei dan Karya Kreatif Hari Guru.
- 4.2 Secara persendirian atau berkumpulan (kumpulan bermaksud ditulis atau dikendalikan oleh dua orang atau lebih).
- 4.3 Semua genre hendaklah ditulis dalam Bahasa Malaysia sahaja kecuali cerpen yang boleh ditulis dalam Bahasa Iban atau Bahasa Inggeris.
- 4.4 Peserta boleh menghantar 2 karya sahaja dalam setiap genre. Setiap penyertaan hendaklah menggunakan satu borang penyertaan yang rasmi. Setiap penyertaan dihantar dalam bentuk 'hard copy' dan 'soft copy'.
- 4.5 Semua karya yang dipertandingkan hendaklah disertakan bersama-sama borang Peraduan Penulisan Esei dan Karya Kreatif Hari Guru Ke - XXVIII 2014/2015 yang dapat diperolehi dari Pejabat Pendidikan Daerah. Borang Penyertaan boleh diperbanyak.
- 4.6 Nama penulis hendaklah ditulis pada borang penyertaan sahaja dan bukan pada manuskrip yang disertakan.
- 4.7 Hak menerbitkan cerpen, kritikan sastera dan sajak yang dipertandingkan terserah kepada Jawatankuasa Perayaan Hari Guru, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak. Hak cipta karya dipegang oleh penulis skrip.
- 4.8 Naskah penyertaan tidak akan dikembalikan kepada penulisnya.
- 4.9 Urus setia Peraduan Penulisan Esei dan Karya Kreatif Hari Guru, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak tidak bertanggungjawab terhadap naskah yang tidak sampai atau rosak dalam pengiriman.
- 4.10 Semua penyertaan yang diterima selepas 31.01.2015 tidak akan dihakimi.
- 4.11 Semua karya akan dihakimi oleh panel hakim yang dilantik oleh Jawatankuasa Perayaan Hari Guru, Jabatan Pelajaran Sarawak. Keputusan panel hakim adalah muktamad.
- 4.12 Karya yang pernah dihantar untuk menyertai peraduan sebelum ini tidak akan dihakimi .
- 4.13 Jawatankuasa Peraduan Penulisan Esei dan Karya Kreatif Hari Guru berhak menarik balik anugerah kemenangan sekiranya didapati penulis melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam Peraduan ini.

**PERADUAN PENULISAN ESEI DAN KARYA KREATIF  
HARI GURU XXVIII 2014/2015**

**PERADUAN PENULISAN ESEI DAN KARYA KREATIF  
HARI GURU XXV III 2014/2015**

Nama Penuh : .....

Nama Penuh : .....

No. Kad Pengenalan : .....

No. Kad Pengenalan : .....

Alamat Sekolah/Pejabat : .....

Alamat Sekolah/Pejabat : .....

.....  
.....

.....  
.....

No.Telefon : .....

No.Telefon : .....

*	Genre	Tajuk
	Cerpen ( Bahasa Malaysia )	
	Cerpen ( Bahasa Inggeris )	
	Cerpen ( Bahasa Iban )	
	Sajak	
	Kritikan Sastera	

*	Genre	Tajuk
	Cerpen ( Bahasa Malaysia )	
	Cerpen ( Bahasa Inggeris )	
	Cerpen ( Bahasa Iban )	
	Sajak	
	Kritikan Sastera	

Saya/Kami mengaku bahawa karya ini adalah karya asli saya/kami dan tidak pernah diterbitkan dalam mana-mana media. Saya/Kami menerima syarat-syarat dan peraturan-peraturan peraduan dan sebarang keputusan panel hakim dan tidak akan mengambil sebarang tindakan undang-undang berhubung peraduan ini.

Saya/Kami mengaku bahawa karya ini adalah karya asli saya/kami dan tidak pernah diterbitkan dalam mana-mana media. Saya/Kami menerima syarat-syarat dan peraturan-peraturan peraduan dan sebarang keputusan panel hakim dan tidak akan mengambil sebarang tindakan undang-undang berhubung peraduan ini.

Tandatangan : ..... Tarikh : .....

Tandatangan : ..... Tarikh : .....

Disahkan oleh :

Disahkan oleh :

.....  
( )

.....  
( )

Tandatangan Ketua Jabatan/Pengetua/Guru Besar dan Cap Rasmi

Tandatangan Ketua Jabatan/Pengetua/Guru Besar dan Cap Rasmi

\* Tanda (-/) untuk berkenaan sahaja.

\* Tanda (-/) untuk berkenaan sahaja.

4.13 Penyertaan hendaklah dihantar kepada :

Setiausaha,  
Jawatankuasa Peraduan Penulisan  
Karya Kreatif Hari Guru Ke - XXVII 2014/2015  
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak  
Sektor Pendidikan Islam  
Jalan Diplomatik Off Jalan Bako  
93050 KUCHING.

## 5. SYARAT PERADUAN

### 5.1 CERPEN DAN SAJAK

- 5.1.1 Tema hendaklah berkisar di sekitar dunia pendidikan, tetapi tidak boleh menyentuh soal-soal sensitif yang boleh menyinggung perasaan orang perseorangan atau mana-mana kaum dan agama.
- 5.1.2 Panjang setiap cerpen hendaklah antara 3000-5000 patah perkataan (ditaip langkau dua baris) mana kala sajak hendaklah tidak melebihi 50 baris dengan fon bersaiz 12.
- 5.1.3 Cerpen atau sajak hendaklah asli bukan terjemahan atau saduran dan belum pernah diterbitkan atau disiarkan di mana-mana dalam sebarang bentuk media.

### 5.2 KRITIKAN SASTERA

- 5.2.1 Karya yang dikritik hendaklah diambil dari salah satu daripada karya dalam siri *Antologi Cikgu*.
- 5.2.2 Matlamat kritikan adalah :
- ◆ Untuk mengulas secara kritis kekuatan, keistimewaan dan kelemahan karya yang dipilih bagi membantu khalayak sastera menikmati buku yang dikritik.
  - ◆ Untuk mengapresiasi karya yang baik, memberi bimbingan kepada karya yang belum mantap dan memberi inspirasi kepada para penulis baru atau guru yang belum pernah menulis.

5.2.3 Kritikan sastera boleh dilakukan daripada segi :

- Struktural (atau satu-satu aspek struktural sastera sahaja)
- Psikologikal/psikoanalisis
- Perbandingan teks/interteks
- Tipainduk
- Historikal
- Stilistik
- Pendekatan integratif
- Sorotan pemikiran para guru
- Atau mana-mana pendekatan yang sesuai

Kupasan hendaklah menyakinkan dan sesuai dengan pendekatan yang dipilih.

### 5.2.4 Panjang Kritikan

Panjang esei hendaklah tidak melebihi 35 halaman (langkau dua baris dan saiz fon 12).

## 6. KEPUTUSAN PERADUAN

Keputusan peraduan akan diumumkan semasa pelancaran perayaan Hari Guru Peringkat Negeri Tahun 2015.